

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD
YUSOFF
KAWASAN : RANTAU PANJANG
NO. SOALAN : 349

minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pengaliran modal asing masuk ke negara kita melalui pelaburan asing serta jumlah modal tempatan yang dipergunakan oleh pelabur asing di seluruh negara mulai tahun 2014, 2015 dan 2016.

Jawapan:

Jumlah pengaliran modal asing masuk ke dalam Malaysia bagi tahun 2014, 2015 dan Januari sehingga Jun 2016 adalah masing-masing sebanyak RM35.6 bilion, RM43.4 bilion dan RM23.8 bilion.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KE-3, TAHUN 2016**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH
[KUBANG KERIAN]**

SOALAN : 350

Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan jumlah denda yang dikenakan oleh SKMM terhadap syarikat telekomunikasi atas kesalahan gangguan talian terputus.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sepanjang tempoh 2013 – 2015, jumlah denda yang dikenakan oleh SKMM terhadap syarikat telekomunikasi atas kesalahan gangguan talian terputus adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH KOMPAUN
2013	190,000.00
2014	1,190,000.00
2015	393,000.00

SOALAN NO:350

Jumlah denda yang dikenakan oleh SKMM atas kesalahan gangguan talian terputus sepanjang tempoh 2013 – 2015 berdasarkan syarikat telekomunikasi adalah seperti berikut:

TAHUN	CELCOM	DIGI	MAXIS	UMOBILE
2013	60,000.00	100,000.00	30,000.00	-
2014	430,000.00	530,000.0	180,000.00	50,000.00
2015	80,000.00	180,000.00	133,000.00	-
JUMLAH	570,000.00	810,000.00	343,000.00	50,000.00